

2,287 penjawat awam disiasat rasuah sejak 2016

Sebanyak 2,287 kertas siasatan dibuka terhadap penjawat awam bagi menyiasat aduan kesalahan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan sejak 2016 hingga September lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Takiyuddin Hassan, berkata Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertanggungjawab membantu kementerian dan jabatan kerajaan khususnya dalam meneliti sistem dan prosedur kerja bagi memastikan ruang dan peluang rasuah dapat ditutup.

"Pelbagai inisiatif pencegahan rasuah dilaksanakan sebagai pencetus usaha pencegahan rasuah.


"Sebagai contoh, setiap agensi memerlukan *tools* (pemudah cara) seperti Pengurusan Risiko Rasuah (CRM), Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dan Sistem Pengurusan Antirasuah dalam usaha mengekang perlakuan rasuah," katanya.

Beliau menjawab soalan Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid (PH-Kapar) pada sesi soal pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata, sebanyak 139 agensi sudah melaksanakan libat urus dengan SPRM menerusi CRM sementara 40 agensi lagi menerusi OACP.

Menjawab soalan tambahan Abdullah, Takiyuddin berkata, tindakan undang-undang yang diambil SPRM tidak mengira latar belakang, malah pemimpin politik juga boleh diambil tindakan sama.



 **Pelbagai inisiatif pencegahan rasuah dilaksanakan sebagai pencetus usaha pencegahan rasuah.**

Takiyuddin Hassan,
Menteri di Jabatan
Perdana Menteri (Parlimen
dan Undang-Undang)